



**KETUA PENGARAH PERIKANAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
MAKANAN**

*Director General Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Industries*
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA**

No. Telefon: 03-8870 4021

No. Faks: 03-8888 9972

Laman web: <https://www.dof.gov.my>

HEBAHAN MEDIA

AMARAN HUJAN BERTERUSAN KEPADA NELAYAN DAN PENTERNAK AKUAKULTUR TEMPATAN

27 Oktober 2022, Putrajaya – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menasihatkan nelayan pantai agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga. Ini adalah seiring dengan kenyataan dan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia dari semasa ke semasa. Menurut Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Sufian bin Sulaiman, Ketua Pengarah Perikanan, “Jabatan Meteorologi Malaysia telah meramalkan bahawa negara akan mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November ini yang membawa kepada banjir pada penghujung bulan berkenaan”. Justeru, saya berharap agar nelayan tidak mengabaikan ramalan ini bagi mengelakkan sebarang risiko berbahaya.

Beliau turut mengingatkan para penternak ikan sangkar agar menangguhkan operasi baharu ternakan ikan ketika Monsun Timur Laut; mempertimbang menjual ikan yang telah mencapai saiz pasaran; sentiasa memantau projek ternakan dengan lebih kerap agar tindakan segera boleh diambil untuk menyelamatkan ternakan yang masih ada; memeriksa struktur ban kolam; mengambil dan menyimpan gambar sistem ternakan kolam/tangki ikan sebelum, semasa dan selepas kejadian banjir.

Sekiranya ditimpa banjir, para penternak dinasihatkan untuk membuat laporan polis dan mengemukakan laporan kepada Pejabat Perikanan berdekatan; memakai /menyediakan peralatan keselamatan secukupnya; sentiasa peka dengan laporan ramalan dan perubahan cuaca melalui laman web www.met.gov.my / aplikasi myCuaca, media sosial rasmi MET Malaysia serta Hotline di talian 1-300-22-1638; mengikut arahan Agensi – Agensi Pengurusan Bencana Negara; dan langkah-langkah lain yang difikirkan perlu.

Jabatan Perikanan berharap dengan persediaan awal dan langkah berjaga-jaga ini dapat mengurangkan risiko kepada pengusaha akuakultur dari mengalami kerugian dan kerosakan akibat banjir tersebut.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

27 Oktober 2022 (Khamis)

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my